



Embargo sehingga

4.00 petang, 16 Julai 2021

BULAN BAHASA 2021 – BAHASA MELAYU TERUS DIPERJUANGKAN OLEH MASYARAKAT BERDAYA TAHAN SINGAPURA

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengalu-alukan kehadiran semua untuk turut serta dalam Bulan Bahasa 2021, yang akan berlangsung dari 14 Ogos hingga 10 Oktober 2021. Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan ditayangkan pada 8.30 malam di saluran Mediacorp Suria pada Sabtu, 4 September 2021.

Bulan Bahasa 2021 terus kekal dengan matlamatnya untuk menggalakkan masyarakat Melayu kita mencintai dan menghargai bahasa, budaya dan warisan kita. Tahun ini, untuk memastikan masyarakat kita sihat dan selamat, rakan kerjasama kami akan terus menyajikan acara-acara bersifat alam maya dan program digital untuk semua.

“Setelah menyesuaikan diri dengan pandemik dan juga Bulan Bahasa edisi maya buat julung-julung kalinya tahun lalu, rakan kerjasama kami kembali dengan lebih gigih pada tahun 2021. Walaupun terdapat banyak cabaran dan ketidakpastian yang terus kita hadapi, ketekunan dan dedikasi masyarakat kita menyerlah khususnya melalui minat dan perjuangan mereka bagi bahasa Melayu kita. Kita telah berkembang mekar bersama sebagai satu masyarakat yang berdaya tahan. Ini adalah kekuatan yang harus kita banggakan,” ujar Puan Rahayu Mahzam, Pengerusi Jawatankuasa Bulan Bahasa 2021.

“Kami akui bahawa keluarga di Singapura kini selesa berdwibahasa, dan bahasa Melayu terus digunakan secara aktif di rumah, antara generasi serta antara keluarga dan rakan-rakan. Sebagai alat komunikasi dan bahasa kemasyarakatan, ini adalah cara untuk kita terus berhubung antara satu sama lain dan juga dengan warisan kita.”

Program-program Digital untuk Semua

Bulan Bahasa 2021 akan terus mengikutsertakan semua secara maya dalam menyambut kekayaan bahasa Melayu kita. Kalendar acara kami sesuai dengan minat-minat yang berbeza melalui program-program dalam talian yang disajikan oleh rakan kerjasama kami. Program-



program ini akan dikendalikan di wadah maya seperti Zoom dan Facebook dari 14 Ogos hingga 10 Oktober 2021.

Ketahui lebih lanjut mengenai wayang kulit kontemporari dalam **Bengkel Bayang Boneka** oleh **Bayang Troupe**. Dalam bengkel ini, ibu bapa dan anak-anak akan membuat wayang kulit dan berpeluang mempersembahkan cerita mereka sendiri sebagai satu keluarga.

Pelajari apa yang berlaku di sebalik tabir produksi dengan **Pentas Radio** oleh **A'Artsg**. Para pelajar akan mengenal pasti cara-cara melaksanakan dan membuat persembahan radio dalam siri bengkel ini. Dengan kemahiran yang diperoleh daripada sesi ini, para pelajar akan turut serta dalam pertandingan persembahan pentas radio terbaik.

Bentukkan duo dan tonjolkan bakat menari anda dalam pertandingan **Sayembara Duotari** anjuran **Perkumpulan Seni Singapura**. Dalam pertandingan tarian ini, para peserta akan membuat koreografi dan mempersembahkan ciptaan tarian Melayu mereka sendiri untuk memaparkan keindahan bahasa Melayu. Pemenang terpilih akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik.

Majlis Pelancaran dan Program yang Ditayangkan di Suria - 4 September 2021

Seluruh masyarakat dijemput untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2021 yang akan menampilkan sebuah program kaya dengan kebahasaan dan kebudayaan Melayu kami. Tonton saluran Mediacorp Suria pada 8.30 malam, Sabtu, 4 September 2021 untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2021. Para penonton juga boleh menanti-nantikan penampilan oleh rakan kerjasama kami, Rakan Bahasa dan Duta Bahasa termasuk Papa Rok kita, Ramli Sarip.



Duta Bahasa (Language Ambassadors) 2021

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu. Tahun ini, tiga lagi individu telah dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu, dan penglibatan mereka dalam masyarakat.

1. Dr Noramin Farid - Pengamal dan Penyelidik Seni
2. Encik Hyrul Anuar - Pendidik dan Penyanyi
3. Puan Marina Yusoff - Pengarah Kreatif dan Personaliti

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran 1.

Rakan Bahasa 2021

Rakan Bahasa terus menjadi bahagian penting dalam Bulan Bahasa. Pelajar bahasa Melayu dilantik setiap tahun sebagai Rakan Bahasa dengan objektif untuk mempromosikan bahasa Melayu dalam kalangan keluarga dan rakan mereka. Program-program seperti Pertandingan NewsMaker yang kini sedang berlangsung, Penterjemah Pintar dan kad aktiviti Kembara Rakan Bahasa terus membina kemampuan dan keyakinan Rakan Bahasa kita.



Jemputan untuk Menyokong Bulan Bahasa 2021

MBMS ingin menjemput masyarakat kita untuk turut serta dalam sambutan Bulan Bahasa 2021.

Buat julung-julung kalinya, pengguna Facebook dan Instagram boleh menggunakan **story filters**. **Story filters** yang mengandungi ikon dan identiti kreatif Bulan Bahasa boleh didapati di media sosial kami, @bulanbahasa di Instagram dan facebook.com/majlisbahasa. Sertai juga dengan permainan yang menguji pengetahuan anda mengenai Kata Seerti/Seiras dan Kata Berlawan, dan lain-lain yang akan datang.

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa juga mengalu-alukan penyertaan anda dalam **Koir Maya (Virtual Choir)** yang akan mendendangkan lagu Bulan Bahasa, Bahasa Menjunjung Budaya. Semua dijemput untuk menghantar rakaman video mereka menyanyikan lagu tersebut untuk menampilkan suara kita sebagai satu masyarakat. Video-video ini akan disertakan dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa yang akan disiarkan pada 4 September 2021.

Arahan bagi penghantaran video Koir Maya boleh didapati di [Lampiran 2](#).

Sekiranya anda di luar, carilah bas SBS yang akan menampilkan identiti kreatif Bulan Bahasa 2021. Ini termasuk perkhidmatan bas 21, 28 dan 39 yang akan berada di jalan raya mulai 16 Julai 2021. Anda dijemput untuk mengambil gambar bas ini dan muat naikkannya kepada **Instagram Story** dengan #citacitracintabahasakita dan tag @bulanbahasa. Gambar yang paling kreatif akan memenangi set lengkap buku nota Bulan Bahasa dan hadiah-hadiah menarik yang lain.



Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2021

Sejak 2019, identiti kreatif Bulan Bahasa telah menampilkan lima ikon (palari, kancil, singa, roket dan gitar) yang melambangkan cita-cita dan aspirasi yang berbeza untuk masyarakat Melayu. Tahun ini, pena telah ditambahkan sebagai ikon keenam untuk menekankan kepentingan sastera dalam mempromosikan bahasa dan juga melambangkan objektif MBMS untuk membina masyarakat yang membaca.

Keenam-enam ikon ini dikekalkan dalam identiti kreatif tahun ini sebagai motif emas yang dicorakkan dengan sulaman tradisional Melayu yang dikenali sebagai tekat. Seni tekat memerlukan pendekatan yang sangat terperinci. Ini mencerminkan bahasa Melayu yang mesti ditangani dengan penuh perhatian dan usaha. Ikon-ikon yang disulam secara tekat menandakan kerja keras dan ketekunan masyarakat dalam melindungi dan mempromosikan landskap bahasa yang sangat dinamis.

Identiti kreatif ini juga meraikan sumbangan tukang seni Melayu kita dan mengiktiraf peranan penting mereka dalam masyarakat.

Sila rujuk Lampiran 3 untuk perincian mengenai identiti kreatif Bulan Bahasa 2021 dan keenam-enam ikon ini.



Buku Nota Bulan Bahasa 2021

Guru-guru bahasa Melayu yang dianugerahkan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) terus menyumbangkan isi kandungan untuk buku-buku nota yang dihasilkan sempena Bulan Bahasa. Buku-buku nota Bulan Bahasa tahun ini mengandungi isi yang merangkumi pelbagai aspek seperti budaya, makanan, dan simpulan bahasa. Tahun ini, enam buku nota telah dihasilkan. Apabila diletakkan bersama, penutup mereka akan membentuk sebuah imej besar. Ini menggambarkan kepentingan talian semasyarakat dan ketahanan kita sebagai satu komuniti.

Visual buku nota boleh didapati di [Lampiran 4](#).

Topik buku nota untuk tahun 2021 dan nama penyumbang kandungan adalah seperti yang berikut.

Topik Buku Nota	Disumbangkan oleh
<i>Deria Bau</i>	Cikgu Siti Rohani Hanim Selamat
<i>Simpulan Bahasa – 'Hati'</i>	Cikgu Sabrina Samsuri
<i>Ulam – Milik Kita, Warisan Kita</i>	Cikgu Rita Zarina Mohd Nazeer
<i>Akronim dan Penggunaannya di Singapura</i>	Cikgu Rashidah Abdullah
<i>Pantang Larang Orang-Orang Melayu</i>	Cikgu Nuraina Mohamed Sin
<i>Rahsia Di Sebalik Nasi Ambeng</i>	Cikgu Nur Syahirah Sa'adon

Buku-buku nota ini akan diedarkan kepada sekolah-sekolah dan rakan-rakan kerjasama Bulan Bahasa.

~



Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur mbms.sg, [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).

Tema Bulan Bahasa

Tema Bulan Bahasa 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu. 'Cita' menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan kerelevanan penggunaan bahasa Melayu. 'Citra' memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. 'Cinta' pula memaparkan minat masyarakat untuk menyayangi akan nilai dan seni bahasa Melayu yang indah.



Lampiran 1

Duta Bahasa 2021

Dr Muhd Noramin Mohd Farid



Lebih dikenali sebagai Soultari Amin Farid, Dr Muhd Noramin Mohd Farid merupakan pencipta tarian Melayu, pendidik seni dan pengkaji. Beliau telah berlatih dalam tarian Melayu bersama Perkumpulan Seni Singapura, dan kini merupakan Pengarah Artistik Bersama di Bhumi Collective, sebuah syarikat pelbagai disiplin dan seni persembahan.

Dr Amin merupakan Penerima *ASEAN-India Youth Award* (2018), *Singapore Youth Award* (2017), *National Arts Council Scholarship* (2017) dan *Goh Chok Tong Mendaki Youth Promise Award* (2016). Beliau memegang PhD dalam Pengajian Teater, Drama dan Tari daripada Royal Holloway, University of London, UK.

Sebagai penggiat-pengkaji seni, beliau menyelidiki idea mengenai kelas dan identiti. Beliau percaya bahawa penggiat muda harus mengetahui penciptaan karya seni yang inovatif, kritikal dan berkaitan dengan landskap yang berubah-ubah. Dalam pengajaran tarian Melayu, beliau sering menggunakan peribahasa untuk menonjolkan kaitan antara budaya, seni dan bahasa.

Sebagai Duta Bahasa, Dr Amin bercita untuk menunjukkan bagaimana seni Melayu berkaitan dengan bahasa dan budaya Melayu secara intrinsik. Beliau ingin menggalak belia untuk menggunakan bahasa ibunda mereka dan menyelidik bahasa Melayu dengan sepenuhnya.



Duta Bahasa 2021

Encik Hyrul Anuar



Encik Hyrul Anuar merupakan penyanyi, penulis lagu, penulis skrip dan pendidik. Sejak memenangi Anugerah 2005, Hyrul telah mewakili Mediacorp Suria dalam pelbagai rancangan televisyen setempat dan serantau di samping menempa kejayaan dalam arena muzik tempatan dengan penghasilan lagu-lagu yang menguasai carta. Beliau juga telah mengacarakan beberapa program televisyen buat kanak-kanak dan belia.

Hyrul menerima ijazah dalam bidang Komunikasi daripada Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) pada tahun 2012. Beliau juga telah menyumbang kepada pelbagai program

kemasyarakatan dan menjadi duta bagi beberapa kempen.

Sebagai seorang pendidik, Hyrul merupakan pengasas HYR Ground, sebuah syarikat yang menggabungkan hiburan dan pendidikan secara inovatif bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi.

Sejak tahun 2015, Hyrul telah meneroka kemahirannya sebagai penyelidik dan penulis skrip untuk rancangan-rancangan Melayu tempatan di saluran Mediacorp Suria. Antara hasil karyanya termasuk Elit Suria (2018), Bahas 4PM Finals (2018-2019), Suria Elektra (2020), Sabotaj (2020-2021) dan Pesta Perdana (2021).

Hyrul percaya pada keberkesanan menggabungkan hiburan dan pendidikan untuk memupuk penghargaan pada Bahasa Melayu. Beliau juga ingin memberi inspirasi kepada masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda, supaya lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa ibunda.



Duta Bahasa 2021

Puan Marina Yusoff



Puan Marina Yusoff merupakan personaliti media, penari, pelakon, penulis dan penerbit. Beliau telah mengunjungi lebih daripada 40 negara untuk acara antarabangsa dan festival seni, termasuk Jepun, Itali, Perancis dan Sepanyol. Beliau juga merupakan Pengarah Kreatif di Sri Warisan Som Said Performing Arts Ltd dan Pengetua di Sri Warisan Performing Arts School.

Nama yang tidak asing lagi, Marina telah mempersembahkan, berlakon dan menyanyi dalam lebih daripada 50 program televisyen sejak permulaan kerjayanya. Beliau juga telah mengarah lebih daripada 20 pementasan teater muzikal dan tarian termasuk Muzikal Towkay Wayang, Muzikal Fantasia Dunia, 6

Penjuru, Magika Pak Pandir, dan 9 Rangkaian Tarian Melayu.

Baru-baru ini, Marina juga telah menghasilkan siri podcast di Spotify, Warna-Warni Kehidupan, bersama abangnya, Ustaz Yusri Yusoff. Podcast ini merangkumi topik-topik yang berkaitan dengan masyarakat dan keluarga Melayu. Anak perempuannya, Noshin Putri Adel, juga merupakan Duta Bahasa, yang dilantik pada tahun 2011.

Marina kini sedang melanjutkan pengajiannya dalam bidang Pengetahuan dan Warisan Islam Terungkap dalam Usul al-Din dan Perbandingan Agama di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sebagai Duta Bahasa, Marina berharap dapat memperjuangkan dan menyampaikan kepentingan unit keluarga dan persekitaran dalam menyokong pembelajaran dan perkembangan anak-anak dalam bahasa Melayu.



Lampiran 2

Arahan Buat Penghantaran Video Koir Maya

Majlis Pelancaran Bulan Bahasa yang akan disiarkan pada 4 September 2021 akan mengandungi sebuah Koir Maya yang mendendangkan lagu Bulan Bahasa, Bahasa Menjunjung Budaya. Warga masyarakat, tidak kira umur dan kebolehan menyanyi, dijemput untuk menghantarkan video mereka untuk disertakan dalam Majlis Pelancaran Bulan Bahasa.


Contoh penyerahan video boleh didapati di sini: <https://tinyurl.com/bb21koir>


Arahan untuk penghantaran video seperti yang berikut.

1. **Sediakan dua alat peranti.** Alat yang pertama akan digunakan untuk memainkan instrumental lagu Bulan Bahasa 2021, dan alat yang kedua akan digunakan untuk merakam video yang bakal dihantarkan.
2. Sebagai rujukan, lagu penuh Bulan Bahasa, termasuk vokal dan melodi, akan dimuat naik di <https://tinyurl.com/bb21koir> pada 16 Julai 2021.
3. **PENTING:** **Pastikan alat peranti pertama anda dihubungkan dengan alat audio seperti *earpiece* atau *headset*.** Mainkan lagu yang penuh, atau instrumental tanpa vokal, dalam alat audio anda.
4. Pastikan alat rakaman anda melintang dalam mod landskap dan di tahap mata. Mulakan rakaman di alat kedua apabila anda mula bernyanyi. Pastikan muka anda jelas kelihatan dalam video, dan audionya dapat dirakam.
5. Hasil rakaman anda harus mengandungi wajah anda dan suara anda sahaja, tanpa muzik iringan.
6. **Jangan** menyunting video anda dengan efek visual atau audio.
7. Setelah dirakam, kirimkan video tersebut melalui e-mel kepada majlisbahasa@gmail.com dengan "BB21 Virtual Choir" sebagai tajuk e-mel. Sila sertakan nama penuh anda, e-mel dan nombor telefon anda dalam badan e-mel. Penghantaran anda akan dibalas dengan e-mel pengesahan daripada pihak sekretariat dalam masa 3-5 hari bekerja. Sila hubungi sekretariat jika anda tidak menerima e-mel ini.



Sekiranya saiz video anda terlalu besar (melebihi 30mb atau yang dinyatakan oleh wadah e-mel anda), harap maklum bahawa e-mel anda mungkin tidak boleh dihantarkan. Video anda perlu dimuat naikkan ke Google Drive. Arahan yang seterusnya hanya untuk mereka yang ingin menghantar melalui Google Drive.

- a) Sila rujuk kepada arahan 1-6 di atas mengenai penghantaran video.
- b) Lungsuri drive.google.com dan log masuk dengan akaun Gmail anda.
- c) Muat naik video anda ke Google Drive.
- d) Setelah dimuat naik, klik fail video anda.
- e) Klik ikon “Get Link” yang ada di Google Drive: 
- f) Pastikan tetapan, atau *settings*, telah dikenakan. “Anyone with link”, seperti yang ditandakan dibawah, harus ditekan untuk memastikan pegawai sekretariat dapat mengakses video anda.




- g) Salinkan pautan yang disorot dalam warna hijau di atas.
8. Hantarkan pautan yang disalin ke majlisbahasa@gmail.com dengan “BB21 Virtual Choir” sebagai tajuk e-mel. Sila sertakan nama penuh anda, e-mel dan nombor telefon anda dalam badan e-mel. Penghantaran anda akan dibalas dengan e-mel pengesahan daripada pihak sekretariat dalam masa 3-5 hari bekerja. Sila hubungi sekretariat jika anda tidak menerima e-mel ini.

Sekiranya peserta mengalami sebarang masalah, sila hubungi sekretariat di e-mel yang diberikan dan mereka akan membantu anda.



Lampiran 3

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2021





Identiti kreatif Bulan Bahasa 2021 terinspirasi daripada sulaman tradisional Melayu, tekat. Visual ini menampilkan enam ikon (palari, singa, kancil, gitar, pena dan roket) yang melambangkan cita-cita dan aspirasi yang berbeza untuk masyarakat Melayu. Identiti kreatif ini juga meraikan sumbangan tukang seni Melayu kita dan menyedari peranan penting mereka dalam masyarakat.

Mengenai Enam Ikon

Baharu untuk 2021: Pena

Menurut sejarah, Singapura merupakan pusat percetakan dan penerbitan yang signifikan dalam jaringan penulis dan pembaca serantau. Sastera dan sumbangan daripada penulis setempat merupakan aspek penting dalam bahasa Melayu. Pena merupakan lambang warisan persuratan, manakala kekekalan dakwat menunjukkan cita-cita kita supaya bahasa Melayu terus menjadi elemen budaya dan warisan kita.

1. Palari - Kapal Palari merupakan kapal laut yang dibina oleh orang-orang Bugis. Kapal laut ini biasanya dikaitkan dengan perdagangan pada abad ke-20 sekali gus melambangkan perdagangan dan perantaraan di Nusantara. Seperti kapal Palari, bahasa Melayu merupakan wadah komunikasi yang menghubungkan ahli masyarakat daripada pelbagai budaya dan kawasan di Nusantara ini.
2. Kancil - Sang Kancil dikenali sebagai watak protagonis dalam beberapa cerita rakyat terkenal seperti 'Sang Kancil dan Buaya' dan 'Sang Kancil dan Gajah'. Pertemuan Sang Kancil dengan haiwan-haiwan hutan mencerminkan kecerdasan pemikiran dan kebolehannya untuk menyesuaikan diri ketika menghadapi cabaran. Kebijaksanaan Sang Kancil boleh dijadikan contoh apabila kita menghadapi cabaran dalam kehidupan.
3. Singa - Sejarah Melayu menceritakan peristiwa Singapura yang telah dinamakan oleh Sang Nila Utama setelah beliau menyaksikan keberanian dan kekuatan seekor singa. Seperti seekor singa, kita harus bangga akan identiti dan budaya Melayu.
4. Roket - Roket melambangkan perubahan, inovasi dan kepelbagaian. Roket juga melambangkan keinginan kita untuk menyebarkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui cara-cara yang menarik dan inovatif. Kita digalakkan agar terus meneroka cara-cara dan wadah baharu supaya dapat melestarikan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.
5. Gitar - Nusantara melahirkan ramai seniman yang menghasilkan pelbagai muzik tradisional dan kontemporari. Muzik mencetuskan perasaan seseorang dan dapat



menghubungkan jiwa, lantas mengeratkan hubungan sesama individu. Gitar melambangkan hubungan ini. Seperti muzik, penggunaan bahasa Melayu dapat menghubungkan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan usia.



Lampiran 4

Buku Nota Bulan Bahasa 2021

Guru-guru bahasa Melayu yang dianugerahkan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) terus menyumbangkan isi kandungan untuk buku-buku nota yang dihasilkan sempena Bulan Bahasa. Muka hadapan buku nota ini diadaptasikan daripada identiti kreatif Bulan Bahasa 2021. Setiap muka hadapan menonjolkan salah satu daripada enam ikon Bulan Bahasa (palari, singa, kancil, gitar, pena dan roket). Apabila diletakkan bersama, muka hadapan buku-buku nota ini akan membentuk sebuah imej besar. Ini menggambarkan kepentingan talian semasyarakat dan ketahanan kita sebagai satu komuniti.

Muka Hadapan



Muka Belakang

